

04/08/2001

Golongan pelampau tidak patut diberi muka

TOLERAN, sebagaimana ditafsirkan Kamus Dewan, bermaksud sedia menghormati atau menerima pendapat atau pendirian orang lain yang berbeza daripada pendapat atau pendirian sendiri. Bersifat toleran samalah juga dengan bersifat terbuka. Malah, kaitannya tentulah dengan individu yang berperibadi luhur dan tinggi. Dalam hubungan ini, toleransi atau dalam bahasa mudahnya, bertolak-ansur, hanya boleh dipraktikkan dengan orang lain yang juga bersifat toleran. Ia memerlukan dua pihak yang sedia bertolak-ansur. Jika hanya satu pihak yang bersifat demikian, maka toleransi tidak wujud, sebaliknya pihak berkenaan akan memaksa pihak yang lain menerima pendapat atau pendiriannya.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhujah panjang lebar mengenai toleransi pada majlis perasmian diskusi 'Toleransi - model Malaysia' di ibu negara. Di sebalik wujudnya kelompok yang tidak mahu bertolak-ansur dalam pelbagai perkara, Perdana Menteri menyandarkan kejayaan dan kemajuan Malaysia sejauh ini kepada sikap majoriti rakyat pelbagai kaum dan agama yang sedar akan nikmat keamanan serta kestabilan dan mereka sedar hanya sikap bertolak-ansur yang boleh membawa nikmat kepada mereka. Oleh kerana majoriti rakyat memilih untuk lebih toleran, maka minoriti yang enggan bertolak-ansur mudah ditenggelami. Kita harus bersyukur kerana wujudnya keadaan yang ada sekarang dan bukan sebaliknya.

Sebenarnya, sudah banyak contoh untuk diambil iktibar dan pengajaran. Pergolakan terus berlaku di sempadan Israel-Palestin disebabkan rakyat Yahudi yang enggan mengik-tiraf hak rakyat negara jiran mereka. Pada jarak lebih dekat, kita melihat bagaimana pendatang Cina di Thailand dan Filipina harus menyesuaikan diri dengan persekitaran baru hingga hilang jati diri mereka. Tetapi keadaannya amat berbeza di Malaysia yang menyaksikan pendatang Cina bebas mengamalkan bahasa dan tulisan mereka, agama, kepercayaan dan adat resam kerana sifat toleran masyarakat Melayu pribumi dari dulu hingga sekarang. Agak malang dalam keadaan sedemikian pun, segelintir daripada mereka mendakwa tidak diberikan tolak-ansur yang mungkin hanya wujud dalam khayalan mereka.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri, tidak harus ada toleransi kepada puak yang jelas tidak bertolak-ansur, walau apa pun hujah atau alasan mereka. Apatah lagi kumpulan yang memilih untuk bertindak atau bersikap keterlaluan dalam sebarang kegiatan politik serta ingin menggunakan kekerasan untuk merampas semua kuasa, mereka tidak harus langsung diberi muka. Adalah amat mengaibkan kerana kumpulan ini yang mendakwa mereka kononnya menjunjung sikap tolak ansur sedangkan petandanya amat jelas bahawa mereka tidak langsung bersedia untuk berkompromi sekiranya berkuasa.

Toleransi adalah kunci untuk menghindarkan sebarang permusuhan dan pertelingkahan. Bagi sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk, keamanan dan kestabilan tidak mungkin dapat diwujudkan tanpa semangat perkongsian dan persefahaman. Bagaimanapun kini wujud tanda-tanda bahawa semangat toleransi yang menjadi majoriti amalan rakyat selama ini tidak akan terpelihara dengan sendirinya. Atas kesedaran itulah, ia hendaklah dipertahankan daripada diancam dan diganggu gugat. Kepada kumpulan seperti inilah, rakyat tidak harus menunjukkan sebarang toleransi kerana ia hanya bermakna mengundang bencana terhadap kesejahteraan hidup bermasyarakat yang dinikmati selama ini.

(END)

